

UCAPAN PRESIDEN MBBY SEMPENA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-6 MBBY PADA 17 JULAI 2010 *MBBY PRESIDENT'S SPEECH DURING THE 6TH AGM ON 17 JULY 2010*

Assalamualaikum wbt.

YBhg. Datin Seri Norkhayati Bt. Hashim, isteri kepada YBhg. Dato' Seri Fuad, Datuk Bandar Kuala Lumpur. Yg. Berusaha Encik Ahmad Redza, Timbalan Presiden MBBY merangkap Naib Presiden, IBBY, ahli-ahli Majlis Tertinggi dan ahli-ahli MBBY sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua dan ingin mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datin Seri, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi melapangkan masa pada hari minggu ini untuk bersama-sama kami di Majlis Mesyuarat Agung MBBY ke-6.

YBhg. Datin Seri, tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk makluman, Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja (MBBY), telah didaftar pada tahun 2004 dan mula bergiat aktif pada tahun berikutnya. MBBY sebagai ahli gabungan International Board on Books For Young People (IBBY) dan 70 buah negara ahli yang lain seluruh dunia, mempunyai misi untuk berjuang ke arah perkembangan sastera dan buku kanak-kanak dan remaja. Untuk tujuan memartabatkan bidang perbukuan dan sastera kanak-kanak dan remaja, MBBY memberi keutamaan bagi aspek-aspek pemajuan pengkaryaan, penerbitan, pembacaan, dan penyelidikan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk menggalakkan penghasilan karya yang bermutu tinggi dalam kalangan karyawan Buku Kanak Tempatan, MBBY cuba mendedahkan karya-karya ini di peringkat nasional dan antarabangsa. Sebagai contoh, beberapa terbitan penulisan tempatan telah diketengahkan kepada IBBY dan telah pun dipilih untuk program *Honor List IBBY*. Tajuk-tajuk terpilih disenaraikan dan diedarkan kepada semua negara ahli. Selain itu MBBY telah mewujudkan Anugerah Buku Bitara yang memberi anugerah kepada penulis dan ilustrasi buku kanak-kanak terbaik.

► Lihat halaman 1

Penasihat/Advisors:

YBhg. Datin Paduka Hajah Shahaneem Hanoum
Encik Ahmad Redza Ahmad Khairuddin

Ketua Editor/Chief Editor:

Md Sidin Ahmad Ishak

Editor:

Siti Ezaleila Mustafa

Pembantu Editor/Assistant Editor:

Rastam Jamali Zubir, Rosidah Ismail, Anita Mohd Jali

Penerbit/Publisher:

Majlis Buku Kanak-Kanak & Remaja Malaysia
Malaysian Board on Books for Young Children
(MBBY)

Perpustakaan Cawangan Taman Tun Dr. Ismail,
Jalan Athinahapan, Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

Tel : 03-7726 6310 / 7725 9466

Faks : 03-7726 7629

Web : www.mbbby.net

◀ dari halaman 1

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam usaha memaju penerbitan Buku Kanak-kanak dan Remaja serta penyebarannya, MBBY telah menjalankan program seperti latihan profesional untuk pengamal-pengamal penerbitan seperti penerbit, penulis, pengedar dan pelukis sama ada melalui bengkel, kursus ataupun seminar. Ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu mereka. Selain daripada itu, MBBY telah menganjurkan setiap dwitahunan, persidangan Buku Kanak-kanak dan Remaja di peringkat Asia atau antarabangsa. Pada tahun ini, persidangan ini telah diadakan sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur ke-10 dengan kerjasama Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan Majlis Industri Buku Negara (MBIC).

Pada akhir tahun ini, Insya-Allah MBBY bersama MBKM telah merancang untuk menganjurkan Pesta Buku Kanak-kanak dan Remaja yang akan diadakan Pesta Jualan Buku Kanak-kanak dan Remaja semasa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Usaha untuk menggalakkan penerbitan buku yang bermutu adalah dengan tujuan untuk memastikan supaya kanak-kanak dan remaja mendapat akses terhadap buku yang bermutu dan ilmu yang luas. Oleh itu, MBBY amat menyokong program dan kempen membaca. Ke arah itu, MBBY telah menjalankan berbagai program seperti Story Telling, Pameran Buku, Bacaan Puisi bersama sekolah dan perpustakaan.

Untuk makluman semua, MBBY telah mengambil inisiatif untuk meraikan sambutan Hari Buku Kanak-kanak Sedunia yang belum pernah disambut di Malaysia sebelum ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Selain itu MBBY berhasrat untuk menjalankan penyelidikan tentang industri buku kanak-kanak dan Remaja di Malaysia. Untuk tujuan ini, MBBY akan bekerjasama dengan institusi seperti Universiti, Perpustakaan, Dewan Bahasa Pustaka dan lain-lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Yang saya sebut tadi hanya sebahagian daripada program dan aktiviti yang dijalankan oleh MBBY. Banyak lagi program lain yang dijalankan oleh MBBY mengembangkan dunia sastera dan buku kanak-kanak dan remaja. MBBY akan terus merancang pelbagai program dari masa ke semasa. Namun yang penting ialah kerjasama oleh pelbagai pihak termasuklah ahli-ahli MBBY untuk menjayakan program-program ini.

Di sini saya bagi pihak MBBY ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada YBhg. Datin Seri Norkhayati Hashim kerana sudi meluangkan masa menghadiri majlis kami pada pagi ini. Untuk makluman, Datin Seri bukanlah asing dalam dunia buku dan perpustakaan kerana beliau sendiri ialah seorang pustakawan, tetapi sudah lama bersara.

Pihak MBBY amat terhutang budi kepada YBhg. Datin Seri di atas minat beliau terhadap MBBY. Oleh itu Majlis Tertinggi MBBY telah bersetuju untuk menganugerahkan status Ahli Seumur Hidup kepada beliau mulai hari ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah membantu memajukan MBBY khususnya kepada staf Perpustakaan Kuala Lumpur yang dan cawangan Perpustakaan Taman Tun Dr. Ismail, MBKM, rakan-rakan dari industri perbukuan, ahli-ahli Majlis Tertinggi MBBY dan semua ahli MBBY. ►

Sekian, terima kasih.

Datin Paduka Shahaneem Hanoum

Presiden MBBY

LAPORAN MESYUARAT AGUNG MBBY KALI KE-6

REPORT ON THE 6TH MBBY AGM

MESYUARAT agung MBBY kali ke-6 telah diadakan pada 17 Julai 2010 di Auditorium Perpustakaan Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YBhg Datin Seri Norkhayati Ismail, isteri kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Ini merupakan satu penghormatan kepada MBBY kerana beliau telah menunjukkan minat mendalam terhadap perkembangan sastera kanak-kanak serta menyokong perjuangan MBBY. Beliau juga mendaftar sebagai ahli seumur hidup MBBY.



Kehadiran dan komitmen ahli-ahli, seperti pada tahun-tahun yang lepas, kurang menggalakkan. Namun ahli-ahli yang hadir telah memberi maklum balas yang sangat positif. Banyak cadangan yang membina telah dikemukakan.

Antaranya ialah cadangan perlantikan isteri YAB Perdana Menteri sebagai penaung MBBY, "summer camp" untuk golongan remaja memupuk minat terhadap penulisan dan sastera kanak-kanak dan remaja, menyediakan ruang dan peluang untuk karyawan muda mengembangkan bakat mereka dalam bidang penulisan ke pentas teater, radio, televisyen dan majalah supaya bakat mereka ini turut sama dihayati dan dinikmati oleh orang lain.

Terdapat juga ahli yang mencadangkan diwujudkan satu laman sosial untuk remaja berinteraksi dan mempamerkan hasil karya mereka. Malahan peluang untuk bekerjasama dengan agensi-agensi seperti Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) perlu diambil perhatian kerana agensi seperti ini banyak mengadakan program yang melibatkan remaja dan golongan pelajar.

Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli yang hadir pada mesyuarat tersebut amat memberangsangkan dan YBhg Datin Pengerusi berharap ada antara cadangan tersebut boleh dilaksanakan pada tahun ini.

Ahli-ahli MBBY telah dimaklumkan pada tahun ini aktiviti berbentuk kutipan dana (*fund raising*) akan diadakan bagi untuk membolehkan MBBY terus bergerak aktif untuk manfaat ahli-ahli.

Pengerusi mesyuarat, YBhg Datin Paduka Hajah Shahaneem Hanoum, turut mengumumkan pencalonan Encik Ahmad Redza Ahmad Khairuddin, Naib Presiden MBBY sebagai Presiden IBBY di IBBY Congress yang akan diadakan di Compostella Santiago dari 9-12 September 2010.

Encik Ahmad Redza juga turut memaklumkan bahawa IBBY ada menawarkan dua anugerah kepada negara-negara ahli yang mempunyai projek-projek berkaitan dengan galakan membaca, iaitu *IBBY Reading Promotion Award* dan *IBBY Asahi Award*. MBBY akan berusaha menghantar pencalonan untuk anugerah-anugerah tersebut.

Mesyuarat diakhiri dengan harapan YBhg Datin Pengerusi agar lebih banyak lagi syarikat-syarikat penerbitan menyertai MBBY dan tampil memberi sokongan dan sumbangan bagi menjayakan aktiviti-aktiviti MBBY. ► AMJ

7

6

5

4

3

2

1

WAKIL MALAYSIA TERAJUI TAMPUK IBBY 2010-2012 MALAYSIAN REP IN THE HELM OF IBBY 2010-2012



AHMAD Redza Ahmad Khairuddin, Timbalan Presiden MBBY telah berjaya dilantik sebagai presiden baru IBBY untuk sesi 2010-2012. Pelantikan beliau telah diumumkan sempena Persidangan Agung IBBY 2010 di Palacio de Congresos e Exposicións de Galicia, Santiago de Compostela.

Pemilihan Ahmad Reza mencatatkan sejarah baru bukan sahaja kepada negara Malaysia tetapi juga Asia kerana inilah julung-julung kalinya wakil Asia diberi pengiktirafan untuk menerajui IBBY sejak 55 tahun penubuhannya. Wakil Malaysia sebelum ini yang diberi kepercayaan untuk menduduki Jawatankuasa Eksekutif dalam IBBY ialah Datin Paduka Shahaneem Hanoum bagi sesi 2006-2008.

Ahmad Reza sebelum ini memegang jawatan Naib Presiden IBBY bagi sesi 2008-2009 dan merupakan Ahli Jawatankuasa Eksekutif bagi sesi 2006-2008. Di peringkat nasional, Ahmad Reza telah melibatkan diri dalam bidang penerbitan dan percetakan melebihi 13 tahun khususnya dalam penerbitan buku persekolahan dan buku kanak-kanak.

Selain itu, Ahmad Reza pernah menganggotai Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Mara dari 2005 hingga 2010. Kini beliau juga merupakan Penasihat kepada SIFE iaitu Students in Free Enterprise Team (SIFE) di beberapa university tempatan; hakim untuk pertandingan-pertandingan SIFE di peringkat kebangsaan dan peringkat Piala Dunia. Beliau juga merupakan Pengerusi bagi Lembaga Penasihat Perniagaan, SIFE. ► MSAI

PENULIS MALAYSIA TERSENARAI DALAM IBBY HONOUR LIST 2010 MALAYSIAN AUTHOR IN IBBY HONOUR LIST 2010




BUKU kanak-kanak *Nonah* atau *The Ghost of Gunung Mulu* karya Margaret Lim Hui Lian telah berjaya disenaraikan dalam *IBBY Honour List 2010*.

IBBY Honour List merupakan pemilihan judul-judul yang baru diterbitkan, menarik, penghormatan kepada penulis, ilustrator, dan penterjemah dari negara ahli IBBY yang dilakukan setiap dua tahun. *IBBY Honour List* ialah salah satu cara paling efektif untuk meluaskan objektif IBBY dalam menggalakkan pemahaman antarabangsa menerusi sastera kanak-kanak.

Nonah menceritakan kisah gadis Santubung yang berpindah ke kawasan pedalaman Sarawak mengikut ibu bapanya. Anak gadis yang pemalu ini telah bersahabat dengan kanak-kanak tempatan yang lain dan berpeluang untuk mengembara ke Taman Negara Gunung Mulu. Buku ini memaparkan pengembaraan mereka yang mencabar dan menyeronokkan.

Judul ini merupakan pilihan MBBY yang bertanggungjawab untuk mencalonkan buku-buku terbaik Malaysia. ► MSAI



7

6

5

4

3

2

1

IBBY ISYTIHARKAN KEPIMPINAN BARU IBBY ANNOUNCES NEW LEADERSHIP

SENARAI kepimpinan baru bagi sesi 2010-2011 telah diisytiharkan pada 12 September 2010 di Palacio de Congresos e Exposicións de Galicia, Santiago de Compostela, Sepanyol. Perisytiharan tersebut dibuat oleh IBBY sempena Persidangan Agung IBBY yang menyaksikan kehadiran begitu ramai peserta dari 72 negara anggota.

Ahmad Redza Ahmad Khairuddin dari Malaysia telah dilantik sebagai Presiden dan inilah kali pertama wakil dari negara Asia berjaya dipilih untuk memegang jawatan tertinggi bagi persatuan yang mencapai usia 55 tahun sekarang ini. Sebelumnya, Ahmad Redza ialah Naib Presiden bagi sesi 2008-2010. Di peringkat tempatan, beliau memegang jawatan Timbalan Presiden MBBY.

Dua orang yang dipilih untuk memegang jawatan Naib Presiden ialah Linda Pavonetti (USA) dan Wally de Docker (Belgium). Linda merupakan mantan presiden USBBY manakala Wally ialah pengasas kaedah prapembacaan yang dinamakan *Leesdraak* atau *Reading Dragon*. Kaedah tersebut kini digunakan dalam lebih 200 buah sekolah. Pada tahun 1989, Wally memulakan penulisan dalam genre buku kanak-kanak dan sejak tahun 2001 beliau menjadi penulis penuh masa.

María Jesús Gil (Sepanyol) dipilih sebagai Presiden Juri Hans Christian Anderson 2012. Beliau merupakan Presiden IBBY Bahagian Sepanyol dan telah berkhidmat dalam Jawatan Eksekutif IBBY untuk tempoh 1996-2000.

Ahli lain yang terpilih sebagai Jawatankuasa Eksekutif untuk tempoh dua tahun sehingga Kongress 2012 di London, UK ialah Marilar Aleixandre (Sepanyol), Gülçin Alpöge (Turki), Hasmig Chahinian (Perancis), Nadia El Kholy (Mesir), Jehan Helou (Palestin), Kiyoko Matsui (Jepun), James Tumusiime (Uganda), Mingzhou Zhang (China).

Liz Page (Switzerland) kekal sebagai Pengarah Eksekutif IBBY yang berpusat di Sekretariat IBBY di Basel, Switzerland. Ellis Vance (USA) pula sah sebagai Bendahari. ► *MSAI*

MESYUARAT PENGADILAN PERADUAN MENGARANG NOVEL MBBY-PELANGI MBBY-PELANGI NOVEL WRITING CONTEST MEETING

MESYUARAT pengadilan Peraduan Mengarang Novel MBBY-Pelangi telah diadakan pada 10 Julai 2010 di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya bagi menentukan pemenangnya.

Dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Dr Amidah Abdulhamid sebagai Ketua Juri, karya-karya yang menyertai peraduan itu dinilai dan dibincangkan bersama empat orang juri yang dilantik yang terdiri daripada penerbit, editor, ahli akademik, dan tokoh penulis.

Penilaian dilakukan berdasarkan beberapa kriteria seperti keaslian, penggunaan bahasa, nilai murni yang dipaparkan, kesesuaiannya sebagai bahan bacaan untuk remaja, dan kebolehpasaran.

Hasil mesyuarat memutuskan bahawa tiada karya yang akan menerima hadiah utama, namun enam buah karya dipilih sebagai pemenang.

Karya-karya itu akan disunting dan diterbitkan oleh Penerbitan Pelangi. Pelancaran karya dan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang akan dilakukan di Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC) pada Disember sempena Pesta Buku Kanak-kanak dan Remaja 2010.

Peraduan Mengarang Novel MBBY-Pelangi ini telah dianjurkan pada 15 November 2009 oleh MBBY dengan kerjasama Penerbitan Pelangi sebagai penaja.

Sehingga tarikh akhir penyertaan pada 30 Mac yang lalu sebanyak 13 buah karya daripada 11 orang peserta telah diterima oleh pihak urus setia. ► *SEM*

7

6

5

4

3

2

1

SIARAN AKHBAR: IBBY UMUM PEMENANG ENA NOËL PRESS RELEASE: IBBY ANNOUNCES ENA NOËL WINNER

THE winner of this year's Ena Noël Award is Lili Wilkinson for her novel *Scatterheart*, published by black dog books. The Ena Noël Award is given to an emerging young writer or illustrator by IBBY Australia. It is a biennial award. The judges of this year's award have this to say about the winner:

Lili Wilkinson reveals on her publisher's website that her most treasured possession is her collection of 32 different editions of *Alice in Wonderland*. As such an avid collector of the fantastic it is not surprising that fantasy finds its way into her historical narrative, *Scatterheart*, and informs its title.

A novel for young adults, *Scatterheart* is the story of Hannah Cheshire, an indulged, motherless, only child who enjoys a privileged lifestyle in early 19th century London before her father's fortunes fade spectacularly and she is left destitute and alone. Before long she is wrongly accused of a petty crime and after languishing in a filthy prison cell, finds herself transported to Australia.



Each chapter of Hannah's story begins with the tale of *Scatterheart*, a fairy tale version of her own search for happily ever after.

In a novel which is an interesting mix of historical fiction, fantasy, adventure and melodrama, Wilkinson has created in Hannah a strong character undergoing a metamorphosis from the spoilt and self centred society miss to a resilient, resourceful and loyal young woman. Her descriptions of well researched settings are equally memorable, from the dank and dangerous prison cells to the harsh realities and privations of life aboard a prison ship and in the penal colony of New South Wales.

The amalgam of styles and stories revealed in *Scatterheart* engages, informs and entertains and is indicative of Wilkinson's versatility.

Such skill is worthy of encouragement in an emerging young writer. The judging panel congratulates Lili Wilkinson, recipient of the IBBY Australia Ena Noël encouragement award for literature for young people.

Please note that IBBY Australia's website lists all the EN Award winners: <http://ibbyaustralia.wordpress.com>.

For further information please contact Dr Robin Morrow on 02 9484 1904 or Email: Robin.Morrow@wordsandphrases.com.au ► IBBY

11th August, 2010.

7

6

5

4

3

2

1

BERITA IBBY IBBY NEWS

International Year of Youth

With the theme "Dialogue and Mutual Understanding", International Youth Day on 12th August, 2010 will commence International Year of Youth. The global launch for IYY will be at the UN headquarters in New York. This event will be a celebration of young people's energy, imagination, and initiatives and recognize the crucial contribution of youth to enhancing peace and development. See <http://www.un.org/esa/socdev/unyin/iyouthday.htm>

Outstanding Books for Young People with Disabilities

This IBBY project aims to give young people with disabilities, like other children, the opportunity to enjoy books and also open the way for their inclusion in society. IBBY National Sections can nominate books, which, in their opinion, qualify regarding literary and artistic criteria and follow the guidelines developed by the IBBY Documentation Centre of Books for Disabled Young People. The book list and exhibition will be carried out under the auspices of the IBBY Documentation Centre of Books for Disabled Young People at the Haug School and Resource Centre in Norway and will be launched at the Children's Book Fair in Bologna in April 2011.

Etisalat Prize for Arabic Children's Literature 2010

The IBBY section of the United Arab Emirates has taken over the management of the annual Etisalat Prize as an incentive for the children's book industry in the Arab world. It is intended to encourage publishers, authors and illustrators to develop the quality of books both in form and content, as well as to motivate children to be open to the world of knowledge and culture. Books written and published in Arabic are eligible for this prize. Winners will be announced at the Sharjah World Book Fair 26th October-6th November, 2010.

IBBY Children in Crisis Fund

Following on the success of IBBY's Tsunami Appeal and the IBBY-Yamada Fund that supports our current project programme, the Executive Committee decided to create a programme called the IBBY Fund for Children in Crisis. The purpose of this fund is to provide support for children whose lives have been disrupted through war, civil disorder or natural disaster. The two main activities that will be supported by the Fund are the therapeutic use of books and storytelling in the form of bibliotherapy, and the creation or replacement of collections of selected books that are appropriate to the situation.

Hans Christian Andersen Award

The Hans Christian Andersen Award Jury of the International Board on Books for Young People (IBBY), has announced that David Almond, from the United Kingdom, is the winner of the 2010 Hans Christian Andersen Author Award and that Jutta Bauer, from Germany, is the winner of the 2010 Hans Christian Andersen Illustrator Award. The announcement was made at the Bologna International Children's Book Fair and the Andersen medals and diplomas will be presented to the winners on Saturday, 11 September 2010 at the international IBBY congress in Santiago de Compostela, Spain.

In awarding the 2010 Hans Christian Andersen Medal for writing to David Almond, the jury has recognized the unique voice of a creator of magic realism for children. Almond captures his young readers' imagination and motivates them to read, think and be critical. His use of language is sophisticated and reaches across the ages.

The 2010 Hans Christian Andersen Medal for illustration recognizes Jutta Bauer as a powerful narrator who blends real life with legend through her pictures. The jury admired her philosophical approach, originality, creativity as well as her ability to communicate with young readers. The full list of candidates can be read at www.ibby.org.

7

6

5

4

3

2

1